KHAIRUL IDZHAM KHAIRUDDIN

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD MAAROP HMR
CLEMENT SKINNER HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-197-2009]
9 NOVEMBER 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 37(da) - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman mati bagi pengedaran dadah berbahaya 4,362 gram kanabis - Sama ada hakim bicara tersilap dalam pertimbangan akses orang lain kepada kanabis tersebut selain dari perayu - Sama ada hakim bicara tersilap dalam penerimaan masuk maklumat tentang pengetahuan perayu mengenai kanabis*

Ini adalah kes rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan ke atasnya oleh hakim bicara atas kesalahan mengedar dadah berbahaya sebanyak 4,362 gram kanabis. Perayu didapati mempunyai pemilikan lima ketulan mampat kanabis yang ditemui di rumahnya di bawah anggapan s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dua ketulan mampat dalam P8 telah ditemui di dalam bakul merah di bahagian dapur rumah perayu dan tiga ketulan mampat dalam P11 telah ditemui di atas tangki air di bilik air rumah tersebut. Hakim bicara telah memberi pertimbangan kepada isu sama ada orang lain selain daripada perayu mempunyai akses kepada kanabis tersebut memandangkan kehadiran kawan perayu, SP5, di rumah tersebut pada masa serbuan polis. Hakim bicara mendapati bahawa SP5 telah berjaya menafikan kawalan dan jagaan kanabis tersebut. Isu di hadapan mahkamah rayuan ini ialah sama ada hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betul dalam penilaian terhadap kehadiran SP5 dan sama ada hakim bicara telah tersilap dalam menerima masuk P20 yang merekodkan maklumat pengetahuan perayu tentang kanabis tersebut di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950.

Diputuskan (membenarkan rayuan; sabitan dan hukuman diketepikan)

Oleh Ahmad Maarop HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

(1) Pemilikan sesuatu barang dalam undang-undang jenayah tidak bermakna pemilikan eksklusif *(PP v. Denis Madhavan)*. Hakim bicara telah gagal memberi pertimbangan kepada fakta kehadiran SP5 di rumah tersebut pada masa dia sepatutnya berada di rumah bapanya yang berdekatan. Keterangan pegawai-pegawai polis, SP4 dan SP7, menunjukkan bahawa SP5 adalah juga sasaran serbuan polis pada malam itu. SP7 dan pasukan polisnya telah mengepung rumah SP5 dan rumah perayu hasil maklumat yang diberi oleh seorang bernama Zulkarnain. Keterangan SP4 juga mendedahkan bahawa pihak polis telah menerima maklumat dari seorang ahli kampung bahawa beliau nampak SP5 lari masuk ke dalam rumah tersebut. Walaupun keterangan tersebut merupakan keterangan dengar cakap dan tidak boleh diterima masuk untuk membuktikan kebenarannya, ianya menunjukkan bahawa pernyataan sedemikian memang telah dibuat. (perenggan 7 & 9)

(2) Hakim bicara sepatutnya mempertimbangkan keterangan SP4 dan SP7 dalam penilaian kebenaran keterangan SP5. SP5 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa dia tidak sedar apabila anggota polis masuk ke dalam rumah perayu kerana sudah terlena dan terletih. Sebaliknya SP4 dan SP7 telah mengatakan bahawa SP5 dalam keadaan sedar apabila mereka menyerbu masuk ke rumah perayu. Keterangan SP4 dan SP7 menunjukkan bahawa SP5 atau setidak-tidaknya dia dan juga perayu merupakan sasaran serbuan polis pada malam itu. Walaupun keterangan itu sahaja tidak semestinya membuktikan bahawa kanabis tersebut dipunyai SP5, ianya cukup untuk mensyaki keterangan SP5 tentang kehadirannya di rumah tersebut dan kemungkinan kaitannya dengan kanabis itu. (perenggan 10)

(3) Kedudukan abang perayu dan kawan abang perayu yang dikatakan berada di rumah dengan perayu tidak dijelaskan oleh pihak pendakwaan. Menurut emak perayu, abang perayu itu pernah ditahan di Pusat Serenti kerana air kencingnya mengandungi heroin dan beliau juga pernah nampaknya

menghisap ganja. Tanpa keterangan dari abang perayu menidakkan sebarang kaitannya dengan kanabis tersebut, wujud lompang dalam kes pendakwaan yang menimbulkan keraguan yang munasabah sama ada perayu seorang sahaja yang benar-benar mempunyai kuasa untuk berurusan dengan kanabis tersebut apabila keadaan memerlukan dia berbuat demikian. (perenggan 11 & 12)

(4) Hakim bicara telah membuat kesilapan dalam penerimaan masuk P20 di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950. Adalah jelas bahawa hakim bicara telah menerima keseluruhan kandungan P20 di bawah Akta tersebut sebagai keterangan substantif terhadap perayu. Keterangan itu adalah keterangan lisan SP7 tentang maklumat yang diberi oleh perayu (*Amathevelli v. PP*, diikuti). P20 tidak boleh menjadi pengganti kepada keterangan lisan SP7. Atas alasan itu sahaja, P20 tidak boleh diterima masuk dalam keterangan. Selain dari itu, dengan menerima masuk P20 di bawah Akta tersebut, bukan kesemua maklumat yang tercatat di dalamnya boleh diterima masuk. Hanya maklumat yang dengan jelas telah membawa kepada perjumpaan fakta kanabis tersebut sahaja yang boleh diterima masuk. Selain itu, SP7 telah memberikan keterangan yang bercanggah tentang pemberian maklumat dalam P20. Ianya mengikut bahawa pengetahuan sahaja tanpa kawalan atau jagaan tidak mencukupi untuk membuktikan pemilikan. (perenggan 14-18)

(5) Penilaian keseluruhan keterangan SP2, SP4, SP7 dan SP5 menimbulkan keraguan yang munasabah sama ada perayu seorang sahaja yang mempunyai kuasa untuk berurusan dengan kanabis tersebut dan dengan itu mempunyai pemilikan. Kesimpulannya, hakim bicara telah membuat kesilapan dalam memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes terhadap perayu. (perenggan 19)

English *Translation Of Headnotes*

This was an appeal by the appellant against his conviction and sentence by the trial judge for the offence of trafficking in 4,362 grams cannabis. The appellant was found to have possession of five packages of compressed cannabis that were discovered in his house under the presumption of s. 37(da) of the Dangerous Drugs

A Act 1952. Two compressed packages in P8 were discovered in a red basket in the kitchen of the house and three compressed packages in P11 were discovered in the water tank of the bathroom of the house. The trial judge considered the possibility of others having access to the cannabis apart from the appellant
B in view of the presence of the appellant's friend, SP5, in the house when the police raided the house. The trial judge held that SP5 succeeded in showing that he did not have custody and control of the cannabis. The issue before this appellate court was whether the trial judge arrived at a correct conclusion upon
C assessing the presence of SP5 in the house and whether the trial judge erred in admitting P20 which had recorded the information pertaining to the appellant's knowledge of the cannabis under s. 27 of the Evidence Act 1950.

D **Held (allowing the appeal and setting aside the conviction and sentence)**

Per Ahmad Maarop JCA (delivering the judgment of the court):

E **(1)** The possession of goods in criminal law did not mean exclusive possession *(PP v. Denis Madhavan)*. The trial judge failed to consider the presence of SP5 in the house when SP5 should have been in his father's house which was nearby. The evidence of police officers, SP4 and SP7, showed that
F SP5 was also a police target in the police raid that night. SP7 and his police team surrounded both the houses of SP5 and the appellant following information received from a person by the name of Zulkarnain. The evidence of SP4 also revealed that the police had received information from a villager that
G SP5 was seen running and entering the appellant's house. Although the evidence was hearsay evidence and was inadmissible to prove its veracity, it nevertheless showed that such a statement had indeed been made.

(2) The trial judge should have considered the evidence of SP4
H and SP7 in assessing the veracity of SP5's evidence. SP5 in his evidence claimed that he was not fully awake when the police raided the house as he was sleepy and tired. On the other hand, SP4 and SP7 claimed that SP5 was fully awake when they raided the appellant's house. The evidence of SP4
I and SP7 showed that SP5 or at least SP5 and the appellant

were police target that night. Although that evidence alone was not necessarily sufficient to prove that the cannabis belonged to SP5, it was enough to doubt the evidence of SP5 in respect of his presence in the house and his possible connection with the cannabis.

(3) The prosecution had not given an explanation on the presence of the appellant's brother and his friend in the house. According to the appellant's mother, the appellant's brother had been detained at the Pusat Serenti rehabilitation centre as his urine had been tested positive for heroin. She had also seen him smoking drugs. Without the evidence of the appellant's brother denying his connection with the cannabis, there was a gap in the prosecution case that raised a reasonable doubt on whether the appellant had sole custody to deal with the cannabis when circumstances deemed it necessary.

(4) The trial judge erred when he admitted P20 under s. 27 of the Evidence Act 1950. It was clear that the trial judge accepted the whole of the contents of P20 under the said Act as substantive evidence against the appellant. P20 contained the oral evidence of SP7 on the information received from the appellant (*Amathevelli v. PP*, foll). P20 could not be a substitute for the oral evidence of SP7. On that ground alone, P20 could not be admissible in evidence. That apart, by admitting P20 in evidence under the said Act, not all of its information recorded therein was admissible. Only evidence clearly pointing to the finding of facts pertaining to the cannabis was admissible. SP7 had also given conflicting evidence on the given information in P20. It followed that knowledge alone without custody or control was insufficient to prove possession.

(5) The overall assessment of the evidence of SP2, SP4, SP7 and SP5 raised a reasonable doubt on whether the appellant had sole custody to deal with the said cannabis and therefore had possession. In conclusion, the trial judge had erred in finding that the prosecution had proved its case against the appellant.

A **Kes-kes yang dirujuk:**
Amathevelli v. PP [2009] 3 CLJ 109 FC ***(diikuti)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
PP v. Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC ***(dirujuk)***
Subramaniam v. PP [1956] 1 LNS 115 PC ***(dirujuk)***

B **Perundangan yang dirujuk:**
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37(d), (da)
Evidence Act 1950, s. 27

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45-27-2005]

C

Bagi pihak perayu - Martin Tay; T/n Martin Tay & Co
Bagi pihak responden - Armadajaya Awang Mahmud TPR

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

D

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop HMR:

E **[1]** Perayu – Khairul Idzham Khairuddin ("Khairul") telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan satu kesalahan memperedar dadah berbahaya, iaitu cannabis seberat 4,362 gram pada 24 Februari 2004 jam lebih kurang 4.45 pagi di No. 16, Lorong AU 3/7A Ulu Klang, Selangor ("rumah tersebut"). Mahkamah
F Tinggi mendapati Khairul bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Khairul telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

[2] Kes pihak pendakwaan telah pun dibentangkan oleh YA
G hakim bicara dalam penghakimannya. Kami tidak akan mengulanginya.

[3] Di akhir kes pihak pendakwaan YA hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan secara afirmatif
H bahawa Khairul mempunyai pemilikan lima ketulan mampat cannabis yang ditemui di rumah tersebut (dua ketulan mampat ditemui dalam P8 dan tiga ketulan mampat ditemui dalam P11). Oleh kerana berat cannabis itu melebihi 200 gram, anggapan di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) terpakai dan
I Khairul dianggap mengedar 4,362 gram cannabis dalam lima ketulan mampat tersebut ("cannabis tersebut"), sehingga dibuktikan sebaliknya.

[4] Peguam Khairul berhujah bahawa YA hakim bicara tersilap apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan pemilikan cannabis tersebut terhadap Khairul. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa:

(1) YA hakim bicara telah membuat kesilapan dalam penilaiannya terhadap keterangan Mohd Jeffree b Mokhtar (SP5). Menurut peguam, ada orang lain selain Khairul yang mempunyai akses kepada cannabis tersebut.

(2) YA hakim bicara telah tersilap dalam menerima P20 yang merekodkan maklumat yang dikatakan diberi oleh Khairul di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950.

[5] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) pula berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan pemilikan terhadap Khairul. Sehubungan ini TPR berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat penilaian yang betul terhadap keterangan SP5, yang menurut TPR, adalah seorang saksi bebas. TPR juga berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dalam menerima masuk P20.

Keputusan Mahkamah Ini

[6] Persoalan utama di hadapan kami ialah sama ada YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan secara afirmatif pemilikan cannabis tersebut terhadap Khairul, tanpa menggunakan anggapan di bawah s. 37(d) ADB 1952?

[7] Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan bahawa adalah tidak sesuai untuk dinyatakan bahawa pemilikan sesuatu barang dalam undang-undang jenayah bermakna pemilikan eksklusif. Apabila kita bercakap tentang pemilikan di bawah undang-undang, persoalannya adalah sama ada seseorang itu mempunyai pemilikan atau tidak. Hal ini dijelaskan oleh Abdul Aziz Mohamad HMP dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209 di ms 217-218:

> It is inappropriate to speak of possession of an article in criminal law as exclusive possession. One is either in possession or not in possession, although one could be in possession jointly with another or others. To say that the prosecution of a drug case

A fails because there has been no proof of exclusive possession is apt to convey the wrong impression that it is only in cases where possession is entirely with one person, – that is, "exclusive" – that a conviction is possible. When the learned trial judge said "The accused sought to negative the proof of exclusive possession ...", we take it that he meant no more than that the respondent B sought to show that he was not in possession of the drugs because he had no knowledge of their existence and that the drugs could have been placed in his bags by some other person or persons.

C The idea of exclusivity features in the meaning of "possession" in criminal law as one of the elements necessary to constitute possession. As Taylor J said in *Leow Nghee Lim v. Reg.* [1955] 1 LNS 53:

> ... It is often said that 'possession must be exclusive'. D This is ambiguous. Possession need not be exclusive to the accused. Two or more persons may be in joint possession of chattels, whether innocent or contraband. *The exclusive element of possession means that the possessor or possessors have the power to exclude other persons from enjoyment of the property*.
>
> E Custody likewise may be sole or joint and it has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. *The statement that 'possession must be exclusive' is often due to confusion of the fact to be proved with* F *the evidence by which it is to be proved.* It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.

Thomson J, in *Chan Pean Leon v. Public Prosecutor* [1956] 1 LNS 17, said that "possession" for the purposes of criminal law G involves possession itself – which some authorities term "custody" or "control" – and knowledge of the nature of the thing possessed. As to possession itself he cited the following definition in *Stephen's Digest* (9th edn, p. 304), in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears:

> H A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need.

I

Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, then what is established is possession, not exclusive possession. So much for exclusive possession. (emphasis added).

[8] Oleh itu persoalan penting dalam kes di hadapan kami ialah sama ada hanya Khairul mempunyai kuasa untuk berurusan dengan cannabis tersebut sebagai tuan punya apabila keadaan memerlukan dia berbuat demikian?

[9] Alasan YA hakim bicara dalam memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan elemen pemilikan (dari ms 10 hingga 13 penghakimannya) adalah seperti berikut. Dari keterangan pihak pendakwaan, terutama keterangan SP2 dan SP5, YA hakim bicara mendapati bahawa Khairul tinggal di rumah tersebut. YA hakim bicara juga mendapati bahawa dari keterangan SP3, SP4 dan SP7, Khairul dan SP5 telah ditangkap di rumah tersebut dan hanya mereka berdua yang dijumpai di rumah tersebut semasa pihak polis menyerbunya. YA hakim bicara mendapati bahawa P8 yang mengandungi dua ketulan mampat ditemui di dalam bakul merah di bahagian dapur rumah tersebut. Manakala P11 yang mengandungi tiga ketulan mampat ditemui di atas tangki air di bilik air rumah tersebut. Seterusnya, YA hakim bicara menyatakan bahawa soalan penting yang timbul ialah sama ada kehadiran SP5 di rumah tersebut pada masa serbuan menidakkan kawalan atau jagaan Khairul terhadap cannabis tersebut serta pengetahuan Khairul mengenainya. YA hakim bicara menyatakan bahawa dalam pertimbangannya mengenai elemen pemilikan cannabis tersebut, keterangan SP5 telah memainkan peranan yang besar. YA hakim bicara merujuk kepada keterangan SP5 bahawa dia (SP5) baru sampai di rumah tersebut dari Negeri Thai pada jam 3 pagi 27 Februari 2004 dan sedang tidur bila polis menyerbu rumah tersebut pada jam 4 petang. Dalam keterangannya SP5 menafikan bahawa ketulan-ketulan mampat dalam P8 dan P11 adalah kepunyaannya. YA hakim bicara menyatakan bahawa pihak pembelaan telah tidak mencabar penafian SP5 itu. YA hakim bicara menambah bahawa pihak pembelaan juga telah tidak mencadangkan (put) kepada SP7 bahawa cannabis tersebut dipunyai oleh SP5, atau bahawa cannabis tersebut tidak dipunyai oleh Khairul. YA hakim bicara seterusnya menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai alasan untuk tidak mempercayai SP5 dan SP7 yang didapatinya adalah saksi-saksi yang boleh dipercayainya,

dan ini menurut YA hakim bicara, membawa beliau kepada kesimpulan bahawa SP5 telah berjaya menafikan bahawa dia mempunyai kawalan dan jagaan cannabis tersebut. Kemudian, YA hakim bicara menimbulkan persoalan sama ada dengan kesimpulan yang dibuat oleh beliau bahawa SP5 telah menafikan kawalan dan jagaan cannabis tersebut, inferens boleh dibuat bahawa Khairul mempunyai kawalan dan jagaan ke atas cannabis tersebut. Sehubungan ini setelah menimbangkan keseluruhan keterangan pihak pendakwaan beliau membuat dapatan bahawa Khairul mempunyai kawalan dan jagaan cannabis dalam P8 dan P11. Menurut YA hakim bicara, dapatannya itu juga dibuat berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh Khairul kepada SP7 yang direkodkan dalam P20 yang diterimanya masuk dalam keterangan di bawah s. 27 Akta Keterangan. Menurut YA hakim bicara, pemberian maklumat dalam P20 tidak dicabar oleh pihak pembelaan. YA hakim bicara menyatakan bahawa dari P20 beliau membuat inferens bahawa Khairul mempunyai pengetahuan tentang cannabis dalam P11. YA hakim bicara menambah bahawa inferens tersebut juga dibuktikan dari perbuatan Khairul menunjukkan ke arah tangki air di mana P11 ditemui. Mengenai cannabis dalam P8, YA hakim bicara membuat dapatan bahawa Khairul mempunyai pengetahuan mengenainya kerana apabila polis menyerbu masuk ke dalam rumah tersebut, Khairul kelihatan takut. Menurut YA hakim bicara, reaksi Khairul itu disokong pula oleh penafian SP5 dan SP2 tentang cannabis dalam P8. Atas sebab-sebab yang akan kami huraikan sebentar lagi kami tidak dapat menerima kesimpulan yang dibuat oleh YA hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan pemilikan cannabis tersebut oleh Khairul. Dalam pengamatan kami, YA hakim bicara telah memberikan tumpuan yang berlebihan kepada penafian SP5 tentang pengetahuannya mengenai cannabis tersebut dalam P8 dan P11 tanpa menilai dengan teliti probability keseluruhan keterangan SP5. SP5 mendakwa bahawa dia telah terus pergi ke rumah tersebut setelah tiba dari Thailand pada jam 3 pagi. YA hakim bicara telah tidak menimbangkan kenapa SP5 tidak pulang ke rumah bapanya, yang terletak hanya 70 - 100 meter dari rumah tersebut, di mana dia, isteri dan anak-anaknya tinggal. SP5 menyatakan bahawa dia tidak terus pulang ke rumahnya, sebaliknya terus pergi ke rumah tersebut kerana dia tidak mahu mengganggu bapa dan ibunya pada jam 3 pagi. YA hakim bicara telah tidak menimbangkan sama ada alasan SP5 itu munasabah atau tidak. SP5 baru pulang dari luar

negara selepas satu perjalanan yang jauh. Sepatutnya SP5 terus menuju ke rumahnya di mana isteri dan anaknya berada tetapi dia terus ke rumah tersebut. SP5 memberikan alasan dia tidak mahu mengganggu bapa dan emaknya pada jam 3 pagi. Tetapi SP5 sanggup mengganggu orang lain, iaitu, Khairul dan orang-orang yang ada di rumah tersebut. Apakah istimewanya kaitan antara SP5 dengan rumah tersebut, dan apakah istimewanya hubungan antara SP5 dengan Khairul dan keluarga Khairul yang boleh menyebabkan SP5 sanggup mengganggu Khairul dan keluarganya walaupun pada jam 3 pagi iaitu pada masa yang orang lazimnya sedang tidur nyenyak? Pada hemat kami adanya SP5 di rumah tersebut pada masa dia sepatutnya berada di rumah bapanya hendaklah dipertimbangkan bersekali dengan keterangan SP4 dan SP7. Kami dapati ini gagal dilakukan oleh YA hakim bicara. Menurut SP4, sebelum menyerbu rumah tersebut anggota polis ada membuat serbuan di rumah SP5. Walaupun dalam keterangannya dalam pemeriksaan utama SP7 tidak menyentuh tentang perkara ini, dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas SP7, walaupun pada mulanya SP7 kelihatan agak "liat" untuk mengaitkan maklumat yang diterimanya dengan serbuan di rumah SP5, SP7 terpaksa mengakui bahawa pada malam kejadian rumah SP5 adalah rumah yang pertama diserbunya. Malangnya, menurut SP7, di rumah SP5 mereka telah tersilap menangkap dan menggari adik SP5. Selepas menyedari kesilapannya itu SP7 telah membebaskan adik SP5. Keterangan SP4 dan SP7 itu menunjukkan bahawa SP5 adalah juga sasaran serbuan polis pada malam itu. Menurut SP7, hasil maklumat yang diberi oleh seorang bernama Zulkarnain, dia (SP7) dan pasukannya mengepung rumah SP5 dan rumah Khairul. Walaupun SP7 menafikan cadangan peguam bahawa dia dan pasukan polis pergi ke rumah Khairul atas maklumat orang kampung yang memberitahu bahawa SP5 telah lari ke rumah tersebut, keterangan SP4 dalam pemeriksaan balas mendedahkan bahawa pihak polis menerima maklumat dari seorang kampung bahawa beliau nampak SP5 lari masuk ke dalam rumah tersebut: "Ya, terima maklumat daripada seorang kampung beliau nampak Mohd Jeffree lari masuk ke dalam rumah OKT di No. 16 Jalan AU 3/7A, Ampang". Keterangan tersebut adalah keterangan dengar cakap. Walaupun keterangan SP4 itu tidak boleh diterima masuk untuk membuktikan kebenaran bahawa SP5 telah lari masuk ke rumah tersebut, keterangan SP4 itu mendedahkan bahawa ada pernyataan sedemikian dibuat oleh seorang orang kampung (lihat

A *Subramaniam v. PP* [1956] 1 LNS 115). Jadi, adakah benar keterangan SP5 bahawa dia tidak balik ke rumahnya kerana tidak mahu mengganggu bapa dan ibunya? Atau adakah hakikat sebenarnya SP5 telah lari ke rumah tersebut dari rumahnya? Dalam keterangannya SP5 menyatakan bahawa bila anggota polis
B masuk dia tidak sedar kerana sudah terlena dan letih. Tetapi SP4 dan SP7 memberikan keterangan sebaliknya. Menurut SP7, "Saya bersama Sjn. Adnan pergi ke ruang dapur – saya lihat seorang lelaki Melayu baring di atas sofa di ruang dapur. Lelaki dalam keadaan sedar. Saya memperkenalkan diri kepada lelaki yang
C dikenali sebagai Jeffree dan menahan beliau".

[10] Keterangan SP4 dan SP7 yang baru sahaja kami huraikan itu sepatutnya telah dipertimbangkan oleh YA hakim bicara dalam menilai kebenaran keterangan SP5. Ini telah tidak dilakukan oleh
D YA hakim bicara. Keadaan kes ini, khususnya apa yang terjadi sebelum SP7 menyerbu rumah tersebut seperti yang didedahkan oleh keterangan SP4 dan SP7 sepatutnya menjadikan YA hakim bicara lebih berhati-hati dalam menilai keterangan SP5. Keterangan SP4 dan SP7 menunjukkan bahawa SP5 adalah
E sebenarnya sasaran, atau setidak-tidaknya dia dan juga Khairul adalah sasaran serbuan polis pada malam kejadian. Walaupun keterangan itu sahaja tidak semestinya membuktikan bahawa cannabis tersebut dipunyai oleh SP5, ianya cukup untuk menimbulkan syak dalam keterangan SP5 tentang kenapa dia
F berada di rumah tersebut dan kemungkinan kaitannya dengan cannabis tersebut.

[11] Selanjutnya, dalam penghakiman kami ada lagi satu perkara penting dalam keterangan SP5 yang tidak langsung disentuh oleh
G YA hakim bicara dalam penghakimannya. Bagi kami ini adalah kesilapan besar yang dilakukan oleh YA hakim bicara dalam melakukan penilaian kehakiman (judicial appreciation) keterangan di hadapannya. Dalam pemeriksaan utama, SP5 menyatakan:

> Setiba saya di rumah No. 16 ada 3 orang - OKT, abang OKT
H dan kawan abang OKT.
>
> Saya tidak berapa kenal abang OKT dan kawan abang OKT.
>
> Kawan abang OKT keluar - tinggal abang OKT, OKT dan saya dalam rumah.
>
I
> Abang OKT berada di ruang tamu. OKT juga berada di ruang tamu - OKT dicam.

[12] Berdasarkan kepada keterangan tersebut bila SP5 tiba di rumah tersebut pada jam 3 pagi ada empat orang di dalamnya – SP5, Khairul, abang Khairul dan kawan abang Khairul. Kemudian apabila kawan abang Khairul keluar, tinggal tiga orang di rumah tersebut – Khairul, abang Khairul dan SP5. Walaupun dalam soal balas SP5 menyatakan, "semasa serbuan hanya saya dan OKT berada di rumah – tidak nampak abang OKT", tiada keterangan diberikan oleh pihak pendakwaan untuk menunjukkan ke mana perginya abang Khairul atau apa yang terjadi kepada abang Khairul? Adakah dia juga telah keluar dari rumah tersebut sebelum serbuan polis? Kedudukan abang Khairul ini perlu dijelaskan oleh pihak pendakwaan. Dalam persoalan tentang pemilikan kedudukan abang Khairul mesti diperkatakan. Menurut emak Khairul (SP2), yang kerap tinggal di rumah tersebut ialah abang Khairul yang bernama Khairul Azwar. SP2 menyatakan bahawa Khairul Azwar ini pernah ditahan di Pusat Serenti kerana air kencingnya mengandungi heroin. SP2 juga pernah nampak Khairul Azwar menghisap ganja. Jadi walaupun Khairul berada di rumah tersebut pada masa polis menyerbunya, abang Khairul lebih kerap menghuni rumah tersebut, kerana menurut SP2, pada hari kejadian sebenarnya Khairul tinggal di Kota Bharu bersama isteri dan anak-anaknya. Malangnya, kedudukan Khairul Azwar yang ada di rumah tersebut pada masa SP5 datang ke rumah tersebut pada jam 3 pagi, bukan sahaja telah tidak dijelaskan oleh pihak pendakwaan, tetapi Khairul Azwar telah tidak dipanggil memberikan keterangan atau ditawarkan oleh pihak pendakwaan kepada pihak pembelaan di akhir kes pihak pendakwaan. Selain dari SP2 dan SP5 yang telah menafikan pengetahuan mereka dengan cannabis tersebut, terdapat dua orang lagi ada di rumah tersebut pada masa SP5 tiba di rumah tersebut – Khairul dan abangnya. Itu belum lagi diambil kira kawan abang Khairul. Pada hemat kami tanpa keterangan dari Khairul Azwar menidakkan sebarang kaitannya dengan cannabis tersebut, wujud gap dalam kes pihak pendakwaan yang menimbulkan keraguan yang munasabah sama ada Khairul seorang sahaja yang benar-benar mempunyai kuasa untuk berurusan dengan cannabis tersebut apabila keadaan memerlukan dia berbuat demikian (lihat *PP v. Denish Madhavan, supra*).

[13] Seperti yang telah dijelaskan, dalam membuat dapatan bahawa Khairul mempunyai kawalan dan jagaan ke atas cannabis tersebut YA hakim bicara bergantung kepada P20 yang telah diterima beliau masuk dalam keterangan di bawah s. 27 Akta

Keterangan:

> In this connection the totality of the prosecution's evidence have to be evaluated and in doing so I am satisfied that the prosecution has established and it is my finding that the accused had custody and control of the incriminating 5 slabs of cannabis the subject matter of the charge found in the black bag P8 and the green bag P11. My finding is predicated by the fact of the information given by the accused to SP7 and marked P20 which is admissible under Section 27 of the Evidence Act to SP7.

[14] YA hakim bicara menyatakan bahawa pemberian P20 telah tidak dicabar oleh pihak pembelaan, dan bahawa P20 adalah satu rekod tentang maklumat yang diberikan oleh Khairul. Adalah jelas bahawa YA hakim bicara telah menerima keseluruhan kandungan dalam P20 di bawah s. 27 Akta Keterangan sebagai keterangan "substantive" terhadap Khairul. Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara telah membuat kesilapan dalam menerima masuk P20 seperti yang tersebut itu. Ini adalah kerana keterangan substantive tentang maklumat yang diberi oleh orang kena tuduh ialah keterangan lisan saksi tentang maklumat yang diberi oleh orang kena tuduh itu. Perkara ini dijelaskan dalam *Amathevelli v. PP* [2009] 3 CLJ 109, di mana Arifin Zakaria HB (Malaya) (pada masa itu) dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> However, that is not the end of the matter in so far admissibility of the information supplied by the appellant is concerned. *The only evidence adduced by the Prosecution of the information is the record of it as contained in P51. SP12 did not give any oral evidence of it.* In commenting on the manner of giving evidence of information received under s 27, Augustine Paul J (as he then was) said in *Public Prosecutor v Hashim bin Hanafi* at pp 185 - 186:
>
> > Information given under s 27 is not a matter that is required by law to be in writing so as to be governed by as 91 and 92 of the Act. Therefore the information must be proved by oral evidence pursuant to s 60(b) of the Act. Thus a written record of the information given by the the accused will not by itself be substantive evidence of its contents and it is what the witness deposes in court as having been said by the accused that will be evidence (see Bhagirath). Where the information is contained in a police diary it can only be used for the purpose of refreshing memory (see *Public Prosecutor v. Er Ah Kiat* [1996] 1 MLJ 9). Where it is contained in any other document it can, at

> the highest, serve only as evidence of corroboration. It is on this basis that a report prepared by a chemist pertaining to his analysis of drugs cannot be tendered as substantive evidence of its contents but only as corroboration of his oral evidence in court under s. 157 of the Act (see *Saw Thean Teik v. R* [1953] MLJ 124; *Muhammed bin Hassan v. Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273). The purpose of corroboration is not to give validity or credence to evidence which is deficient or suspect or incredible but only to confirm and support that which as evidence is sufficient and satisfactory and credible (see *DPP v. Hester* [1972] 3 All ER 1056). Its role is to confirm other evidence in the sense that it renders that other evidence more probable (see *Doney v. R* [1990] 171 CLR 207; *DPP v. Kilbourne* [1973] AC 729). It cannot therefore amount to that other evidence itself. Thus the record of an information will only enhance the credibility of the witness and the absence of it cannot render the oral evidence of it inadmissible; nor can it be a substitute for the evidence that it is meant to corroborate.
>
> *It is therefore clear that there must be oral evidence of the information given. P51 cannot be a substitute for it. Accordingly, we hold that P51, the information supplied under s. 27 by the appellant, is inadmissible*. (tekanan ditambah).

Dalam kes di hadapan kami ini, SP7 menyatakan:

> Tiba di Balai Polis Tun Razak jam 6.40 pagi. Saya jalankan soal siasat ke atas kedua-dua saspek. OKT ingin memberitahu saya sesuatu – saya bacakan kata-kata amaran di bawah s. 37(a)(i)(b) Akta Dadah Berbahaya dan OKT jawab faham. Saya catatkan kata-kata amaran dan apa yang dipercakapkan selepas itu dalam kertas A4 – ada tandatangan saya dan OKT. Rujuk P20 – kata-kata amaran dan percakapan – dicam dan disahkan. Sahkan soalan dan jawapan diturunkan serentak (on the spot). Berdasarkan kepada maklumat dalam P20 saya pergi ke rumah tempat kejadian bersama OKT, Sjn. Sayuti, Jamal Farid, Padli Sham, Fadza Marta, Konstable Jerry – tiba jam 7.30 pagi.

[15] Jadi, seperti juga dalam *Amathevelli v. PP, supra*, dalam kes di hadapan kami, SP7 telah tidak memberikan keterangan lisan tentang maklumat yang dikatakan telah diberi kepadanya oleh Khairul. P20 tidak boleh menjadi pengganti kepada keterangan lisan SP7 tentang maklumat tersebut. Atas alasan ini sahaja P20

adalah tidak boleh diterima masuk dalam keterangan. Seterusnya, YA hakim bicara telah menerima masuk P20 di bawah s. 27 Akta Keterangan. Oleh itu bukan kesemua maklumat yang dicatat dalam P20 yang boleh diterima masuk dalam keterangan. Hanya maklumat yang dengan jelas telah membawa kepada penjumpaan fakta (cannabis tersebut) sahaja yang boleh diterima masuk dalam keterangan. Ini bererti jika pun P20 boleh diterima masuk dalam keterangan, bukan keseluruhan kandungan dalam P20 tetapi hanya jawapan berikut sahaja yang boleh diterima masuk:

S : Di mana kamu simpan ganja lagi?

J : Di atas tangki bilik air di rumah tadi.

S : Boleh kamu tunjukkan kepada saya ganja di atas tangki itu sekarang?

J : Boleh.

[16] Selain itu, SP7 telah memberikan keterangan yang bercanggah tentang pemberian maklumat dalam P20. Dalam pemeriksaan utama SP7 menyatakan:

> Tiba di Balai Polis Tun Razak jam 6.40 pagi. Saya jalankan soal siasat ke atas kedua-dua saspek. OKT ingin memberitahu saya sesuatu. Saya bacakan kata-kata amaran di bawah seksyen 37A(a)(i)(b) ADB dan OKT jawab faham.

[17] Keterangan di atas bercanggah dengan keterangan berikut dalam pemeriksaan balas SP7:

> Soal siasat ke atas kedua-dua tangkapan dijalankan berasingan dan hasil siasatan saya dapati keterangan mereka berbeza berkenaan kuantiti dadah.
>
> OKT semasa soalsiasat memberitahu saya baki dadah yang masih berada di rumahnya.
>
> OKT menyatakan kepada saya “okey tuan – ada lagi barang”.
>
> L/Kpl. Farid dan L/Kpl. Padli Sham ada dengar apa yang OKT beritahu.
>
> Saya catatkan di sehelai kertas kata-kata amaran di bawah S.37(a)(i)(b) Akta Dadah Berbahaya.

Saya kemudian membacakan kata-kata amaran kepada OKT dan tanya dia sekali lagi "di mana barang itu". A

Saya mencatatkan secara verbatim soal jawab di kertas tersebut.

Saya kemudian pergi ke rumah OKT bersama OKT Padli Sham, Farid dan Sjn. Sayuti. B

[18] Menurut SP7, dia mencatatkan verbatim soal jawab dengan Khairul dalam P20. Walaupun demikian, keterangan SP7 tentang soalan pertama yang dia tanya Khairul, selepas amaran dibacakan bercanggah dengan soalan pertama yang ditanya selepas amaran dibacakan seperti yang dicatitkan dalam P20. Dalam keterangan SP7 menyatakan dia tanya Khairul sekali lagi "di mana barang itu". Sedangkan dalam P20 soalan pertama yang ditanya oleh SP7 selepas amaran diberi ialah, "Dimanakah kamu simpan ganja lagi". Adalah penting soalan sebenar yang ditanya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Soalan yang ditanya membawa implikasi yang besar kepada jawapan yang diberi. Jawapan yang diberi adalah "Di atas tangki di bilik air di rumah tadi". C D

Jika soalan yang ditanya adalah seperti mana yang dicatat dalam P20, maka jika soalan itu dan jawapannya diterima sebagai keterangan substantif, ia menunjukkan bahawa Khairul mempunyai kawalan dan pengetahuan atas ganja atas tangki itu. Tetapi jika soalan yang ditanya adalah seperti mana yang dikatakan oleh SP7 dalam pemeriksaan balas, maka soalan tersebut dan jawapan yang diberi hanya menunjukkan bahawa Khairul mempunyai pengetahuan bahawa barang itu (tidak semestinya ganja itu) ada di atas tangki. Pengetahuan sahaja tanpa kawalan atau jagaan tidak mencukupi untuk membuktikan Khairul mempunyai milikan barang di atas tangki itu. Jadi, percanggahan dalam keterangan SP7 dengan apa yang tercatat dalam P20 tentang soalan tersebut menimbulkan persoalan penting, iaitu, apakah perkataan-perkataan sebenar yang telah digunakan oleh SP7 dalam menanya soalan tersebut. Pada hemat kami percanggahan tersebut menimbulkan keraguan yang munasabah tentang apakah sebenarnya soalan yang ditanya oleh SP7 yang dikatakan mencetuskan jawapan seperti yang dicatatkan dalam P20. E F G H

[19] Tanpa keterangan dalam P20 kes terhadap Khairul hanya bergantung kepada keterangan SP2, SP4, SP7 dan SP5. Seperti yang telah kami huraikan, penilaian keseluruhan keterangan SP2, SP4, SP7 dan SP5 menimbulkan keraguan yang munasabah sama I

A ada Khairul seorang sahaja mempunyai kuasa untuk berurusan dengan cannabis tersebut apabila keadaan memerlukan dia berbuat demikian. Ini bererti terdapat keraguan yang munasabah sama ada Khairul mempunyai pemilikan cannabis tersebut. Oleh yang demikian YA hakim bicara telah membuat kesilapan dalam
B memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Khairul (lihat *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, di ms 100).

[20] Rayuan Khairul dibenarkan. Sabitan dan hukuman
C terhadapnya diketepikan. Khairul dilepas dan dibebaskan.

D

E

F

G

H

I